

CNS1308

U GB 06-08 001.66 BA288

bah

- KIT SIANG BERMAIN TEXA-TEKI, KATA MAHATHIR

Mahathir - Kit Siang

KUANTAN, 6 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak berhasrat menubuhkan Jawatankua'sa Parlimen seperti yang dicadangkan oleh ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang, bagi mengawasi penawaran tender untuk stesen televisyen swasta, TV4.

+Apa sebab kita hendak adakan Jawatankuasa Parlimen. Bermakna bahawa (parti) dia kalah pihihan raya, jadi dia tiada kuasa tapi dia hendak cari peluang supaya dia juga hendak berkuasa dalam kerja-kerja pentadbiran,+ kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar selepas mendengar taklimat pembangunan negeri Pahang, di sini hari ini.

Dr Mahathir telah diminta mengulas saranan Lim tentang keperluan 'kerajaan pusat menubuhkan jawatankuasa parlimen mengandungi semua parti' bagitujuan tersebut.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak perlu mengadakan jawatankuasa parlimen kerana parlimen bukan eksekutif, dan parlimen hanya membincang dasar-dasar kerajaan serta membuat undang-undang.

+Bila parlimen jadi eksekutif, dengan orang macam Kit Siang adadalam parlimen... jadi huru-hara,+ katanya. -- Lagi

♥06/08/20-47MST

CNS1309

U GB 06-08 00195 BA289

bah

Mahathir - Kit Siang 2 (Akhir) Kuantan

Dr Mahathir berkata, Kit Siang sebenarnya bermain teka-teki dan niatnya itu ialah supaya Melewar Group (yang dilaporkan sebelum ini berminat dengan tawaran tender TV4 itu) tidak memperolehi tender tersebut.

Melewar Group, kata Perdana Menteri, sebenarnya sudah lama menyatakan minatnya dalam akhbar, untuk mendapatkan tender berkenaan.

+Saya ingat dia (Kit Siang) punya teka-teki. Niatnya ialah supaya Melewar Group jangan dapat. Apabila dia sebut yang itu (keputusan telah dibuat supaya Melewar mendapat tender berkenaan), dan kerajaan kemud'ian membuat keputusan perlukita berikan tender berkenaan kepada Melawar, dia (Kit Siang) akan kata dia betul.

+Dia (Kit Siang) cuba mengetepikan Melewar rnaka apabila dia menyebut Melewar memperolehi tender itu dan kerajaan pula, untuk mengatakan dia tidak betul, maka kita tidak berikan kepada Melawar,+ katanya.

Dr Mnhathir seterusnya menjelaskan bahawa kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan tentang tender bagi TV4 tersebut. Kerajaan, katanya, akan mempertimbangkan setiap permohonan secara adil.

+Siapa yang patut dapat akan dapat, siapa yang tak patut dapat tak akan dapat ... Kit Siang tak dapat,+ katanya disarnbut hilai ketawa mereka yang turut mengikuti persidangan akhbar itu. -- Bernama